



## SIARAN AKHBAR

### **PROGRAM *FINANCIAL HEALTH CHECK* UNTUK PEGAWAI DAN KAKITANGAN MOFE DAN AMBD**

---

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), dengan kerjasama daripada Persatuan Bank-bank Brunei (BAB), Persatuan Insurans dan Takaful Brunei (BITA), Persatuan Pasaran Modal Brunei Darussalam (BCMA), dan Persatuan Perancang Kewangan Brunei Darussalam (FPAB), telah mengadakan Program *Financial Health Check* dari hari Isnin, 15 April 2019 hingga hari Jumaat, 19 April 2019 di bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MoFE).
2. Program ini antarlainnya bertujuan untuk memberikan peluang kepada pegawai dan kakitangan MoFE dan AMBD untuk berinteraksi dengan perancang kewangan yang berlesen dan berkelayakan untuk mengetahui samada mereka berada di landasan yang betul bagi mencapai matlamat-matlamat kewangan mereka.
3. Program tersebut telah dibahagikan kepada tiga. Bahagian pertama, iaitu taklimat-taklimat kewangan, bertujuan untuk meningkatkan kefahaman para pengunjung mengenai konsep dan cara-cara bagi menguruskan kewangan dari segi simpanan, insurans/ takaful, dan juga membuat pelaburan. Bahagian kedua pula, iaitu *One-on-One Consultation*, memberikan peluang kepada para pengunjung untuk berbincang, secara peribadi, mengenai pengurusan kewangan dengan perancang kewangan yang berlesen dan berkelayakan dari institusi kewangan pilihan mereka. Sebuah pameran kewangan juga telah diadakan sebagai platform bagi institusi-institusi kewangan untuk berkongsisama maklumat mengenai produk dan perkhidmatan yang mereka tawarkan.

#### **Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

Tarikh: 20 Sya'ban 1440 / 26 April 2019

Rujukan: AMBD/COMMS/3